



UNDANG-UNDANG NEGERI SELANGOR

Enakmen A16

**ENAKMEN PENGAWALAN PENTERNAKAN BABI
(PINDAAN) 2010**

Tarikh Perkenan Diraja 27 Ogos 2010

Tarikh penyiaran dalam *Warta* ... 23 September 2010

UNDANG-UNDANG NEGERI SELANGOR**Enakmen A16****ENAKMEN PENGAWALAN PENTERNAKAN BABI
(PINDAAN) 2010**

BETA PERKENANKAN,

(MOHOR
KERAJAAN)SHARAFUDDIN IDRIS SHAH,
Sultan Selangor

27 Ogos 2010

Suatu Enakmen untuk meminda Enakmen Pengawalan Penternakan Babi 1991.

[]

DIPERBUAT oleh Badan Perundangan Negeri Selangor seperti yang berikut:

Tajuk ringkas

1. Enakmen ini bolehlah dinamakan Enakmen Pengawalan Penternakan Babi (Pindaan) 2010.

Pindaan seksyen 2

2. Seksyen 2 Enakmen Pengawalan Penternakan Babi 1991 [*Enakmen No. 3/1991*], yang disebut “Enakmen Ibu” dalam Enakmen ini dipinda—

(a) dalam teks bahasa kebangsaan:

(i) dalam tafsiran “Pengaruh” dengan menggantikan perkataan “Haiwan” perkataan “Veterinar”; dan

- (ii) dengan memasukkan selepas tafsiran “populasi babi betina dewasa dirian” tafsiran baru berikut:

‘ “rumah penyembelihan” ertinya rumah penyembelihan yang dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar atau rumah penyembelihan dilesenkan di bawah Akta Rumah Penyembelihan (Penswastaaan) 1993 [*Akta 507*];’ dan

- (b) dalam teks bahasa Inggeris dengan memasukkan sebelum tafsiran “alienated land” tafsiran baru berikut:

‘ “abattoir” means abattoir operated by the Department of Veterinary Services or abattoir licensed under the Abattoirs (Privatization) Act 1993 [*Act 507*];’

Pindaan seksyen 18

3. Seksyen 18 Enakmen ibu dipinda—

- (a) dalam subseksyen 18(1), dengan memasukkan selepas perkataan “Enakmen” perkataan “ini atau apa-apa kaedah yang dibuat di bawahnya.”;
- (b) dengan menggantikan subsekyen 18(2) dengan subseksyen yang berikut:

“(2) Tiada pendakwaan berkenaan dengan apa-apa kesalahan di bawah Enakmen ini atau apa-apa kaedah yang dibuat di bawahnya boleh dimulakan kecuali oleh atau dengan izin bertulis Pendakwa Raya.”; dan

- (c) dengan memotong subseksyen (3).

Seksyen baru 28A

4. Enakmen ibu dipinda dengan memasukkan selepas seksyen 28 seksyen baru 28A yang berikut:

“Pengkompunan kesalahan

28A. (1) Pengarah atau mana-mana pegawai diberi kuasa boleh mengkompun mana-mana kesalahan yang dilakukan

di bawah Enakmen ini kecuali kesalahan di bawah seksyen 23 dan 24 dan kesalahan yang boleh dikompaun di bawah kaedah-kaedah yang dibuat di bawahnya dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaunkan kesalahan itu apabila dibayar kepada Pengarah atau mana-mana pegawai diberi kuasa sejumlah wang yang tidak melebihi lima ribu ringgit dan tidak kurang daripada lima ratus ringgit dalam tempoh yang ditetapkan dalam tawaran itu.

(2) Sesuatu tawaran di bawah subseksyen (1) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan dilakukan, tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya dimulakan dan jika tawaran yang dibuat tidak dipatuhi dalam tempoh yang ditetapkan, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu telah dibuat.

(3) Jika suatu kesalahan telah dikompaunkan di bawah subseksyen (1), tiada pendakwaan boleh dimulakan selepas itu berkenaan dengan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun telah dibuat dan apa-apa benda atau babi yang disita berkaitan dengan kesalahan itu melainkan ianya telah dilupuskan terdahulu bolehlah dilepaskan, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang ditetapkan.”

Pindaan seksyen 30

5. Seksyen 30 Enakmen ibu adalah dipinda dalam perenggan (*b*) dengan memasukkan selepas perkataan “kemudahan-kemudahan perlu” perkataan “termasuk menyediakan rumah penyembelihan”.

Diluluskan pada 12 Julai 2010
[PU. Sel. Am 026/10/AA]

MOHAMAD YASID BIN BIDIN
*Setiausaha,
Dewan Negeri,
Selangor*



LAWS OF THE STATE OF SELANGOR

Enactment A16

**CONTROL OF PIG FARMING (AMENDMENT)
ENACTMENT 2010**

Date of Royal Assent 27 August 2010

Date of publication in the
Gazette ... 23 September 2010

LAWS OF THE STATE OF SELANGOR

Enactment A16

**CONTROL OF PIG FARMING (AMENDMENT)
ENACTMENT 2010**

I ASSENT,

(STATE
SEAL)

SHARAFUDDIN IDRIS SHAH,
Sultan of Selangor

27 August 2010

An Enactment to amend the Control of Pig Farming Enactment 1991.

[]

ENACTED by the Legislative of the State of Selangor as follows:

Short title

1. This Enactment may be cited as the Control of Pig Farming (Amendment) Enactment 2010.

Amendment of section 2

2. Section 2 of the Control of Pig Farming Enactment 1991 [*Enactment No. 3/1991*], which is referred to as the “principal Enactment” in this Enactment is amended—

(a) in the national language text:

(i) in the definition of “Pengarah” by substituting the word “Haiwan” word “Veterinar”; and

(ii) by inserting after the definition of “populasi babi betina dewasa dirian” the new definition as follows:

‘ “rumah penyembelihan” ertinya rumah penyembelihan yang dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Veterinar atau rumah penyembelihan dilesenkan di bawah Akta Rumah Penyembelihan (Penswastaaan) 1993 [*Akta 507*];’ and

(b) in the English language text by inserting before the definition of “alienated land” the new definition as follows:

‘ “abattoir” means abattoir operated by the Department of Veterinary Services or abattoir licensed under the Abattoirs (Privatization) Act 1993 [*Act 507*];’

Amendment of section 18

3. Section 18 of the principal Enactment is amended—

(a) in subsection 18(1), by inserting after the word “Enactment” words “or any rules made there under.”

(b) by substituting for subsection 18(2) the following subsection:

“(2) No prosecution in respect of any offences under this Enactment or any rules made there under shall be instituted except by or with the written consent of the Public Prosecutor.”; and

(c) by deleting subsection (3).

New section 28A

4. The principal Enactment is amended by inserting after section 28 the new section 28A as follows:

“Compounding of offences

28A. (1) The Director or any authorized officer may compound any offences committed under this Enactment except offences

under section 23 and 24 and compoundable offences by rules made there under by making a written offer to the person committing the offence to compound the offence upon payment to the Director or any authorized officer of an amount of money not exceeding five thousand ringgit and not less than five hundred ringgit for that offence within the time specified in the offer.

(2) An offer under subsection (1) may be made at any time after the offence has been committed but before any prosecution for it has been instituted, and if the offer made is not complied with within the specified time, prosecution for the offence may be instituted at any time after that against that person to whom the offer was made.

(3) If an offence has been compounded under subsection (1), no prosecution shall be instituted after that in respect of the offence against the person to whom the offer to compound was made and any things or pigs seized in connection with the offence unless has been earlier disposed off, may be released subject to such terms and conditions as may be prescribed.”

Amendment of section 30

5. Section 30 of the principal Enactment is amended in paragraph (b) by inserting after the words “essential facilities” words “which includes setting up an abattoir”.

Passed this 12 July 2010
[P.U. Sel. Am 026/10/AA]

MOHAMAD YASID BIN BIDIN
*Clerk of the Legislative Assembly,
Selangor*

